

Nor Eizzah ikon usahawan muda berkaliber

KUALA LUMPUR 23 Okt. - Dianugerahkan bakat yang cukup disegani dalam bidang perniagaan, seorang penjaja yang menjual keropok, bertih jagung dan air yang diletakkan dalam kotak di sekitar Kolej 13 di Universiti Putra Malaysia (UPM) kini sudah mempunyai tiga buah kiosk di universiti tersebut.

Nor Eizzah Yusoff, 23, anak jati Pasir Emas, Kelantan pernah dinobatkan sebagai Ikon Usahawan UPM 2016, Johan Gerak Usahawan 2013 dan Johan *The Biggest Entrepreneurship Challenge* anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi di Kuala Lumpur. Anak bongsu kepada lima adik

beradik ini menjadi inspirasi semua, khususnya kepada pelajar UPM yang baru sahaja berjinak-jinak untuk menjadi seorang usahawan.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Bilik Media sempena Majlis Konvokesyen UPM Ke-40 (2016), Eizzah yang juga graduan ijazan Kepujian Kelas Kedua Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (pengkhususan pemasaran) berkongsi cerita kakak sulung dan kakak ketiganya kini sudah berjinak-jinak dalam bidang keusahawanan selepas melihat dirinya sebagai idola apabila mampu berjaya dalam bidang pendidikan dan juga keusahawanan.

"Selama setahun saya men-

jadi penjaja di Kolej 13 dan tahun ini genap tiga tahun saya berniaga. Ibu bapa saya dahulunya mahu saya menjadi seorang doktor tetapi disebabkan saya tidak mahu bekerja makan gaji jadi hasrat menjadi seorang usahawan itu memang saya tanam sejak saya berumur 18 tahun lagi.

"Bukan apa, saya banyak melihat sendiri kawan-kawan saya yang kebanyakannya terlibat dalam kursus profesional ini, sukar untuk mendapat kerja dan lama menggangur, jadi saya bertekad mahu menjadi usahawan dan menjana pendapatan yang banyak setiap bulan," katanya.



NOR EIZZAH YUSOFF